

NEGERI SEMBILAN – DAERAH KANTAU MINANGKABAU YANG
MELEPASKAN DIRI DARI IKATAN DAERAH INDUKNYA

Oleh: TAHA ABD. KADIR
Universiti Pertanian Malaysia
Serdang, Selangor.

Pengenalan .

ALAM atau Negeri Minangkabau telah wujud sebagai sebuah kerajaan berdaulat sejak berabad-abad yang lalu dan pusat pentadbirannya bernama Pagaruyung. Tempat tersebut letaknya berdekatan dengan Batusangkar yang sekarang ini termasuk dalam kawasan 'Kabupaten Tanah Datar' Propinsi Sumatra Barat (Sumbar), Indonesia. Menurut 'Tambo Adat Minangkabau' (1978) nenek moyang pertama orang-orang Minangkabau ini berasal dari puncak Gunung Merapi dan mereka 'turun' ke kawasan lembahnya untuk membuka perkampungan dan mereka itu dipercayai mempunyai berbagai kesaktian.

Keturunan dari nenek moyang tersebut telah membuka beberapa buah 'teratak' yakni unit perkampungan kecil di sekitar kawasan lembah gunung tersebut. Lama-kelamaan bilangan mereka menjadi semakin ramai lalu mereka bergerak pula ke kawasan-kawasan sekitar yang berdekatan dan membangunkan beberapa buah teratak lagi. Unit penempatan yang mengandungi beberapa teratak ini dinamakan 'dusun'. Selanjutnya dusun juga turut berkembang dan membesar lalu terbentuk pula unit 'nagari' dan dari nagari lahir pula unit 'koto'. Apabila keseluruhan unit ini bersatu maka terbentuklah unit kawasan kediaman orang-orang Minangkabau dahulukala dan daerah-daerah yang meliputi luhak-luhak di 'Rahang Minang' ini bermula dari kawasan sekitar lembah Merapi-Senggalang membawa ke Tandikat dan Sago yakni bahagian sebelah 'dareknya'. Daerah tersebut berpecah tiga luhak dan disebut 'luhak nan tigo', iaitu:—

Luhak Tanah Datar (luhak yang tertua) terletak di sekitar Batusangkar; Luhak Agam (luhak pertengahan) terletak di sekitar Bukit Tinggi dan Luhak Lima Puluh Koto (luhak yang termuda) terletak di sekitar Payakumbuh.

Maka daerah-daerah inilah yang merupakan kawasan asal orang-orang Minangkabau sebenarnya. Orang-orang Minangkabau ini sejak zaman berzaman cenderung keluar dari kampung asalnya untuk mencari tempat kediaman yang baru di samping mencari harta. Amalan begini disebut sebagai 'merantau' iaitu salah satu institusi sosial yang unik dan tersendiri sifatnya. Amalan begini biasanya dilakukan oleh kaum lelaki mungkin disebabkan harta dan tanah pusaka dimiliki oleh orang perempuan dalam sistem sosialnya yang bersifat 'matrilineal' maka orang lelaki terpaksa mencari hartanya di luar kawasan lengkungan

tanah adat mereka. Apabila ada tempat kediaman yang baru, baik dan sempurna maka mereka akan balik ke kampung asalnya untuk membawa anak isteri dan kaum keluarga. Di antaranya ada juga yang berkahwin dengan wanita-wanita di tempat yang baru itu.

Amalan merantau ini membawa kepada ekspansi atau pengluasan kawasan demografi mereka. Dan di tempat-tempat yang baru dibuka itu mereka akan mengekalkan dan mengembangkan ciri-ciri kehidupan cara orang Minangkabau seperti di tempat asalnya. Tempat-tempat begini sebagai 'daerah rantau' Minangkabau yang lama-kelamaan menjadi sebahagian dari nagari atau alam Minangkabau sendiri. Dari tempat asal dengan daerah rantau ini terjalin hubungan yang erat kerana tali persaudaraan dan ikatan sosial yang sentiasa wujud dan terpelihara. Demikianlah orang-orang Minangkabau memperluaskan alam atau nagarinya tanpa melalui peperangan atau pertumpahan darah.

Setiap luhak yang disebutkan tadi berkembang sendirian kerana pertambahan penduduk dan sebagainya. Keadaan ini serta sifat suka membuka tempat yang baru dalam amalan merantau mereka membawa kepada pembukaan kawasan rantau masing-masing ke tempat yang lebih jauh di berbagai arah sehingga hampir meliputi keseluruhan Pulau Sumatera itu. Luhak Tanah Datar umpamanya membuka daerah rantainya arah ke selatan iaitu di sekitar Rantau Solok dan kawasan yang berdekatan; Luhak Agam bergerak ke utara ke sekitar Pasaman yang mengandungi kawasan Bonjol dan Lubuksikaping sementara Luhak Lima Puluh Koto pula menghala ke Timur iaitu di sekitar kawasan Kampar. Di samping itu pengluasan kawasan ini juga membawa ke daerah yang melewati Pulau Sumatra hingga ke tanah besar Semenanjung Tanah Melayu khususnya ke Negeri Sembilan dan Naning, Melaka. Kedua-dua tempat tersebut menjadi daerah rantau Minangkabau kerana pendatang Minang itu terus tinggal menetap serta mengamalkan cara hidup Minangkabau seperti di tempat asalnya.

Kini luhak dan daerah rantau yang terdapat di tempat asalnya di Pulau Sumatra itu telah membentuk kawasan sosio-politik yang tersendiri dalam sistem pentadbiran Indonesia moden menjadi sebuah 'Kabupaten' yang dipimpin oleh seorang ketua pentadbiran bergelar 'Bupati' sementara koto atau bandar yang besar seperti Padang dan Bukit Tinggi umpamanya menjadi unit 'Kotamadya' yang dikepalai oleh pegawai yang bergelar 'Walikota'; kedua-dua pemimpin-pemimpin ini adalah sama tarafnya.

Orang Minangkabau ke Negeri Sembilan Dan Pembukaan Daerah Rantau.

Proses migrasi orang-orang Minangkabau ke luar kawasannya merupakan amalan biasa dalam apa yang disebut sebagai 'institusi merantau' itu. Keadaan ini berlaku sejak beberapa abad yang lalu di mana sempadan politik dan geografi antara sesuatu kawasan tidak jelas dan tidak adanya sekatan dan halangan dari mana-mana pihak. Seperti yang dinyatakan tadi bahawa orang-orang Minangkabau bukan saja keluar ke-kawasan di sekitar Pulau Sumatra tetapi juga melewati Selat Melaka dan laut-laut di sekelilingnya. Di Semenanjung Tanah Melayu orang-orang Minang ini ramai menumpu ke Negeri Sembilan dan Naning, Melaka, berbanding dengan tempat lain seperti Perak, Selangor, Johor dan Singapura. Di Negeri Sembilan juga pendatang-pendatang Minangkabau ini lebih mengekalkan cara dan sistem hidup bermasyarakat mereka berbanding dengan tempat lain di mana mereka lebih asimilasi dengan penduduk tempatan atau membentuk kumpulan kecil sambil menyesuaikan diri dengan keadaan sekeliling.

Berbagai pendapat telah disarankan para sarjana dan sejarawan mengenai masa kedatangan orang-orang Minangkabau ke Negeri Sembilan. Sungguhpun terdapat perbezaan tarikh tetapi keseluruhannya bersetuju bahawa orang-orang dari Minangkabau sebenarnya telah menyeberangi Selat Melaka dan datang membuka berbagai tempat di negeri ini beberapa abad yang lalu. Umpamanya J.T. Newbold (1831) mencatatkan tulisannya bahawa orang-orang dari 'tanah seberang' ini berhijrah ke Tanah Melayu secara bergelombang-gelombang dan kumpulan pertamanya tiba pada kira-kira pertengahan abad kedua belas. Ketua kumpulan itu bernama Tu Pattair dan mereka mula-mula tiba di Melaka, kemudian mudik Sungai Melaka dan sampai di suatu kawasan bernama Tabo (Tabuh Naning). Tu Pattair dan anak-anak buahnya membuka perkampungan dan berkahwin dengan wanita-wanita tempatan serta tinggal menetap di situ sehingga akhirnya terbentuk sebuah 'koloni' Minangkabau yang pertama di Tanah Melayu. R.J. Wilkinson (1911) pula menyarankan bahawa penghijrahan orang-orang Minangkabau ke Tanah Melayu berlaku tidak lama selepas kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511. Pada tahun 1613 seorang pengembara Portugis bernama Gou Dinho De Eredia yang sampai ke kawasan sebelah sini telah mencatatkan dalam bukunya bahawa terdapat orang-orang Minangkabau di daerah Naning, dan Rembau. Ini bererti bahawa mereka itu telah pun berhijrah ke tempat-tempat tersebut lebih awal dari tahun 1613.

Menurut 'Sejarah Minangkabau' (1970) bahawa hubungan sejarah ikatan pertalian darah dan tali-temali kebudayaan di antara Minangkabau dengan Negeri Sembilan telah wujud dan berkembang sejak zaman kerajaan Sri Wijaya di Sumatra Tengah (sekitar abad ke 6 dan 7)

dan proses ini berlanjutan hingga ke zaman pemerintahan kerajaan Pagaruyung pada abad ke 14 dan seterusnya. Sehingga Raja Yang Dipertuan Besar) Negeri Sembilan yang pertama, kedua dan ketiga adalah didatangkan terus dari keturunan Raja Pagaruyung. Ini menurut beliau menjadikan kerajaan Negeri Sembilan pada masa itu seolah-olah sebuah Minangkabau dalam negeri-negeri Persekutuan Tanah Melayu. Dan menurut YB Dato' Abdul Samad Idris (1968) bahawa kebanyakan orang Minangkabau yang mula-mula datang ke Negeri Sembilan dan membuka negeri itu adalah dari kelompok atau luhak Agam yang datang lebih terkemudian. Saranan ini berdasarkan nama-nama suku yang terdapat di Negeri Sembilan yang kebanyakannya adalah berasal dari nama-nama tempat di kedua luhak tadi. Walau bagaimanapun hakikat orang-orang Minangkabau berhijrah ke Tanah Melayu atau ke Negeri Sembilan khususnya adalah sesuatu yang tidak dapat dinafikan dan mereka datang sejak kira-kira sepuluh abad yang lalu.

Oleh sebab orang-orang Minang yang berhijrah dan menetap di Negeri Sembilan ini lebih 'pekat' sifat keminangkabauan dalam amalan hidup sehari-hari berbanding dengan tempat lain dan ciri itu kekal pula hingga sekarang maka bagi mereka Negeri Sembilan adalah salah sebuah daripada daerah rantaunya dan ia terletak di luar Pulau Sumatra. Untuk lebih jelas perhatikan peta Alam Minangkabau di bawah ini. (Lihat peta dilampir¹.....)

Hakikat luasnya Alam Minangkabau adalah relatif sifatnya, namun ia masih juga boleh dikesan. Tambo adat Minangkabau mencatatkan Alam Minangkabau itu seperti berikut:

hinggo Durian ditekuk Raja

hinggo Teratak Air Hitam
hinggo Ombak/Riak nan badabur
hinggo Buayo putih daguk
hinggo Si rangkak nan badangkung
hinggo Si luluk punai mati

Dan menurut Dr. Mochtar Naim (1980) bahawa tidak ada orang sekarang ini yang betul-betul mengerti di mana batas-batas tersebut. Menurut beliau 'Riak nan Badabur' itu mungkin dimaksudkan lautan Hindi: Sikilang Air Bangis adalah di sebelah utara Tiku—Pariaman dan Teratak Air Hitam di daerah Kampar. Daerah rantaunya menurut beliau kesemuanya terletak di Pulau Sumatra kecuali Negeri Sembilan yang terletak di Tanah Besar Semenanjung.

Sistem Sosio-Politik Alam Minangkabau

Di daerah asal Minangkabau terdapat sistem penggolompokan kawasan yang bernama nagari. Unit nagari ini adalah suatu kawasan yang besar mangandungi beberapa kawasan atau unit penempatan yang lebih kecil dengan nama dan konsep demografisnya yang berlainan dipanggil teratak, dusun dan koto. Keseluruhannya itu terlingkung dalam unit kawasan yang lebih besar bernama luhak. Pada masa ini setiap nagari atau unit penempatan adalah dihuni oleh sesuatu suku bermasyarakat berdasarkan faktor geneologis atau bersuku-suku. Misalnya sesebuah nagari tertentu didiami oleh sesuatu suku tertentu pula. Suku (Clan) ini mempunyai pecahan atau unit-unit yang lebih kecil tersebut 'paruik' atau perut dan setiap perut mempunyai unit 'ruang'.

Dalam pengertian masyarakat Minangkabau nagari tersebut terdiri daripada beberapa buah koto atau kampung dan ia mempunyai beberapa syarat untuk terbentuk, iaitu mesti mempunyai perkara-perkara berikut:—

- babalai, bamusaik (berbalai dan bermasjid)
- basawah, baladang (mempunyai sawah dan ladang)
- balabuh, batapian (mempunyai jalanraya dan tempat mandi)
- bapadam, bakuburan (mempunyai tempat perkuburan)

Balai dalam masyarakat mereka melambangkan tempat di mana 'budi dicari kebenaran ditegakkan' dan masjid melambangkan agama dan kerohanian. Bagi mereka hati dan jiwa manusia mesti dididik dengan iman dan ketaqwaan kepada Allah. Kedua-dua perkara ini mempunyai fungsi tersiratnya yang lebih mendalam lagi. Ini juga membawa pengertian bahawa orang-orang Minang lebih mementingkan 'santapan rohani' dari keperluan jasmani kerana mereka beranggapan bahawa apabila jiwa atau rohani bersih dan baik maka segala amalan hidup sehari-hari yang dilakukan nescaya akan baik dan bersih pula.

Di samping kerohanian mereka juga menekankan kehendak jasmani; dari itu mereka harus mempunyai sawah dan ladang untuk keperluan makanan jasmani manusia yang dikatakan memadai setakat 'cukup sandang dan pangan' yakni cukup makan minum dan pakai sepatutnya. Nagari juga harus mempunyai jalanraya atau lebuh untuk kelancaran mobilisasi ahli-ahli masyarakat dan untuk membawa hasil-hasil sawah ladang ke kawasan sekelilingnya. Mereka juga perlu mempunyai tapian atau tempat mandi sebagai salah satu keperluan pembersihan jasmani dan kesihatan. Bagi masyarakat ini adalah ditentukan oleh adat bahawa ada tempat mandi untuk lelaki dan perempuan secara berlainan, tidak bercampur gaul macam itik. Sementara bapadam atau mempunyai tanah perkuburan adalah sesuai dan memenuhi pernyataan adat 'hidup batampek', mati bakabua' yakni

mati bertempat dan mati berkubur. Maka faktor-faktor di atas adalah merupakan pertimbangan-pertimbangan yang diberi keutamaan oleh para pembuka nagari. Dari itu juga maka setiap kelompok atau suku mesti mempunyai keperluan-keperluan di atas secara berasingan. Dan amalan begini masih kita dapat perhatikan di kampung-kampung di Negeri Sembilan terutama semasa belum begitu dilanda pemodenan.

Orang-orang Minangkabau juga memberi perhatian tentang ketentuan-ketentuan adat dalam urusan kehidupan sehari-hari. dan ini dilahirkan dalam bentuk kata-kata perbilangan yang diamalkan oleh para pendukung adatnya. Perbilangan-perbilangan ini dianggap sebagai peraturan hidup atau undang-undang yang mesti dihormati dan dipatuhi. Dan dalam proses pemasyarakatan orang-orang Minang perbilangan-perbilangan lisan ini adalah salah satu unsur yang diberikan perhatian.

Setiap ahli dalam masyarakat mempunyai peranan dan fungsi masing-masing mengikut keadaan dan perbilangan berikut adalah salah satu peraturan untuk ahli masyarakatnya, umpamanya:

kok ketek balingka tanah (kalau kecil belingkar tanah)
kok gadang balingka aua (kalau besar berlingkar aur)
kampung berpaga buek (kampung dibuat pagarnya)
kampung baumpuak (kampung berumpuk/berketentuan kelompok)
suku bajorong (suku mempunyai jorong/susur galurnya)

Antara lain Perbilangan tersebut menyatakan peranan ahli-ahli masyarakat iaitu yang kecil hanya beberapa di sekitar kawasan rumah sementara yang besar atau yang dewasa haruslah berusaha; negeri mempunyai undang-undang sedangkan kampung dibuatkan pagar sebagai pengawalan; demikian juga setiap kelompok diperuntukkan haknya masing-masing dan sesuatu suku ditentukan susurgalurnya seperti perut dan ruangnya.

Seterusnya perbilangan berikut ada kaitannya dengan sistem sosial orang-orang Minang, iaitu:—

nagari basuku ampek (negeri mempunyai empat suku)
dalam suku babuah (suku-suku mempunyai perut-perut)
kampung batuo (setiap kampung mempunyai ketua)
rumah batungganai (setiap rumah gadang/ rumah adat
Mempunyai ketua yang disebut tungganai).

Empat suku asal di Minangkabau ialah Bodi, Caniago, Kota. dan Piliang. Setiap suku ini mempunyai unit-unit kecilnya iaitu perut dan ruang. Konsep bersuku ini adalah berasaskan kepada pembahagian keseluruhan masyarakat Minang kepada empat bahagian dan setiapnya adalah seperempat atau suku dan 'suku' boleh juga diertikan

sebagai 'satu keturunan' yakni setiap orang yang berasal dari satu keturunan dikira dari jurai sebelah ibu. Konsep perut mungkin dikira kerana mereka dikira kerana mereka itu lahir dari perut seseorang ibu. Di samping empat nama suku yang tersebut di atas terdapat juga lain-lain nama yang ada pada anggapan umum adalah sebagai pecahan daripada sesuatu suku apabila anggotanya bertambah ramai dan berpindah ke tempat lain, di situ mereka membentuk suku dengan sebutan yang berlainan sedikit.

Bagi mengatur kelancaran sistem sosio-politik secara adat maka setiap perut atau ruang akan membentuk apa yang disebut 'orang ampek jinih' atau orang empat jenis dengan fungsi dan peranannya masing-masing bagi mengawasi ahli-ahli kumpulannya. Mereka ialah Penghulu, Manti, Malim dan Dubalang. Penghulu sebagai ketua pentadbiran, manti sebagai orang yang ditugaskan sebagai suruhan dan mengawas, malim adalah seorang alim dan dubalang adalah pengawal. Dalam zaman sebelum beragama islam jawatan malim dikenali sebagai pendita. Demikian sekadar menunjukkan satu dua contoh perbilangan yang keseluruhannya menjadi pegangan dan amalan dalam hidup sehari-hari orang-orang Minangkabau di negeri asalnya itu.

Amalan Tradisi Minangkabau di kalangan masyarakat di Negeri Sembilan.

Tidak dapat dinafikan bahawa masyarakat beradat Perpatih di Negeri Sembilan sekarang ini adalah keturunan dari pendatang-pendatang Minang yang berhijrah di sini sejak berabad-abad yang lalu. Hingga kini mereka masih mengamalkan sistem hidup bersuku-suku dalam apa yang disebutkan Adat Perpatih itu. Ini agak berbeza sedikit dengan Minangkabau sahaja. Kedua-dua sistem ini mempunyai banyak persamaan namun ada juga sedikit sebanyak perbedaannya disebabkan keadaan persekitarannya dan sebagainya. Di Negeri Sembilan terdapat dua belas suku semuanya berbanding dengan empat sahaja di Minangkabau. Suku-suku tersebut ialah Tanah Datar, Batu Hampar, Serilemak Minangkabau, Serilemak Pahang, Paya Kumbuh, Tiga Batu, Tiga nenek, Mungkal, Biduanda, Batu Belang, Seri Melenggang dan Anak Aceh. Menurut YB Dato' Abdul Samad Idris kebanyakan nama suku ini diambil dari nama kampung atau tempat asal ketua-ketua kumpulan orang Minangkabau yang berhijrah ke sini dahulu. Sungguhpun begitu terdapat juga nama suku yang berlainan di beberapa tempat di sini dan ini mungkin merupakan pecahan daripada duabelas suku yang ada itu.

Sistem kehidupan sehari-hari orang-orang Melayu di Negeri Sembilan pada masa dahulu seperti amalan bersawah ladang, kenduri kendara, melantik ketua dan penentuan kaum keluarga adalah mengikut cara amalan orang-orang Minangkabau seperti di tempat asalnya itu. Begitu juga dari segi perwarisan harta, adanya pusaka tinggi dan pusaka

rendah dan sebagainya. Perbilangan adat yang menjadi pegangan hidup mereka juga amat bersifat Minangkabau. Pendekata orang-orang Melayu di Negeri Sembilan ini masih lagi mengikut amalan datuk nenek mereka yang datang dari tanah seberang itu hinggalah sekarang.

Negeri Sembilan melepaskan diri dari daerah induknya.

Sungguhpun dikatakan bahawa hubungan antara orang-orang Melayu berketurunan Minang di Negeri Sembilan dengan saudara-maranya di Ranah Minang itu terus erat untuk beberapa lama tetapi keadaan ini tidaklah dapat berterusan. Paling lewatnya adalah setakat sebelum meletusnya perang dunia kedua sahaja. Malahan ada saranan yang menyatakan sejak sebelum perang itu lagi kedua-dua bangsa seasal ini sudah mula renggang. Keadaan ini terjadi disebabkan beberapa hal, pertamanya apabila pendatang-pendatang Minangkabau ini tinggal menetap di Negeri Sembilan maka penumpuan perhatian mereka adalah lebih kepada tempat baru itu berbanding dengan tempat asalnya. Setelah menetap dan hidup dengan cara tertentu maka adalah sukar bagi mereka untuk berbalik kepada amalan hidup cara lama yang mungkin dianggap sudah tidak begitu sesuai lagi. Keduanya setelah menetap maka adalah sukar untuk kerap balik ke negeri asal kerana ia melibatkan perbelanjaan yang besar di samping lain-lain masalah. Atau mereka mengamalkan falsafah 'di mana bumi di pijak di situ langit di junjung', maka mereka memberikan seluruh taat setia dan perhatian di tempat yang baru itu.

Dengan masuknya pengaruh kuasa-kuasa barat di kedua-dua tempat ini, Minangkabau dijajah oleh Belanda dan Negeri Sembilan dijajah oleh Inggeris, sudah tentu mereka mengenakan berbagai syarat kepada penduduk jajahannya. Ini mungkin merumitkan lagi urusan untuk pergi balik atau untuk keluar ke tempat lain.

Sistem Birokrasi yang diperkenalkan oleh penjajah-penjajah barat itu juga secara langsung atau tidak menjejaskan hubungan erat antara daerah induk dan daerah rantainya yang telah sekian lama terjalin ini. Dr. Mochtar Naim menganggarkan bahawa Negeri Sembilan mula melepaskan dirinya dari ikatan daerah induknya, Minangkabau, itu di sekitar tahun 1809. Saranannya ini dilihat dari keadaan bahawa kedua-dua daerah tersebut telah mula dicengkam oleh kuasa penjajah barat tadi.

Perkembangan sosio-politik selanjutnya lebih menjauhkan jarak hubungan kedua bangsa seasal ini. Negeri Minangkabau di Sumatra Barat kemudiannya menjadi salah sebuah Propinsi dalam sistem pentadbiran kerajaan Republik Indonesia sejak kemerdekaannya pada tahun 1945. Sementara Negeri Sembilan berada dan menjadi salah sebuah negeri yang membentuk komponen Persekutuan Melayasia pada tahun 1963. Dan sejak itu juga kedua-dua negeri tersebut berada dalam dua buah negara yang berlainan.

Haġikat yang menjarakkan antara kedua negeri inilah yang menyebabkan Negeri Sembilan terpaksa melepaskan diri dari ikatan daerah 'bundo kandung yang menyayangnya' untuk berada terus dalam Malaysia. Sementara Minangkabau khususnya dan Indonesia amnya secara 'rela' pula melepaskan daerah rantaunya ini untuk tegak berseendirian dalam sebuah konfederasi negara lain di luar kekuasaannya.

Negeri Sembilan sejak itu hingga kini boleh dikatakan sudah tidak mempunyai apa-apa ikatan dengan Minangkabau terutma dari segi politiknya. Hubungan kekeluargaan kalau pun ada hanya dari segi asal usul, namun masih ada yang beranggapan bahawa mereka saling mempunyai kaum keluarga dan sanak saudara di kedua-dua tempat tersebut dan hanya setakat itu. Untuk berziarah atau lawat melawati amatlah sukar dan jarang dilakukan. Apabila ada kesempatan mana-mana pihak melawat ke salah sebuah tempat ini maka terjalinlah semula kemesraan dan keamatan persaudaraan mereka untuk sekian-sekian masa. Dari segi cara hidup, selera makanan, dan masakan, pakaian malahan bahasa perbualan atau ciri budaya umumnya adalah hampir-hampir sama dan ciri itulah yang mengukuhkan keakraban hubungan ini.

Ungkapan 'orang awak' sering disuarakan di kalangan sesama orang berketurunan Minang dari kedua-dua daerah ini apabila berjumpa. Dari itu apabila orang-orang dari Negeri Sembilan pergi ke Minangkabau atau sebaliknya maka mereka merasakan seolah-olah berada di tempat sendiri dan dikelilingi oleh kaum keluarga dan sanak saudara.

Perkembangan sosio politik di kedua-dua negara ini selanjutnya adalah jauh berbeza di bawah sistem pentadbiran masing-masing. Di-Malaysia umpamanya penekanan pembangunan kerajaan adalah memajukan masyarakat luar bandar di samping memodenkan dan membandarkan orang-orang kampung. Keadaan ini menggalakkan para belianya keluar meninggalkan kampung untuk menyambut seruan kerejaan. Gejala ini sedikit sebanyak menjejaskan perjalanan amalan hidup sehari-hari masyarakat termasuk mereka yang berada di Negeri Sembilan yang ternyata lebih dekat dengan Kuala Lumpur, Ipoh, Johor Bharu dan lain-lain dari Minangkabau. Tanah-tanah pusaka yang nya diusahakan sepenuhnya kini sudah banyak yang terbiar tanpa terusahakan oleh golongan tua yang tidak bertenaga lagi.

Para belia yang berhijrah ke tempat lain itu kemungkinan juga ramai yang berkahwin dengan pasangan dari luar Negeri Sembilan. Ini melahirkan anak-anak yang tidak sepenuhnya mengetahui dan mengamalkan adat perpatih, apatah lagi kalau tidak berada di tanah adat itu. Di samping itu juga ramai lelaki 'luar' yang berkahwin dengan gadis-gadis beradat Perpatih, ini juga menimbulkan masalah yang sama seperti tadi. Akibatnya adat yang dahulunya amat murni itu akan terjejas dan mengalami sedikit sebanyak perubahan dan kelonggaran. Kecuali golongan tua dan mereka yang masih mempertahankannya maka go-

longan muda boleh dikatakan sudah ramai yang tidak memahami dan mengikuti amalan adat ini sepenuhnya, apa lagi kalau sudah ada di luar kawasan tanah adat ini.

Institusi sosial masyarakat juga turut berubah dan longgar umpamanya sistem perlantikan ketua atau pemimpin tradisional sudah terdapat unsur-unsur baru seperti pendidikan untuk diambil kira sebagai syarat kelayakan di samping aspek adat. Perkara ini mungkin bersifat positif dan mungkin negatif dari segi kesejahteraan amalan adat. Walau bagaimanapun tulisan ini tidaklah melihat unsur ini secara mendalam dan penulis juga tidaklah pesimistik terhadap gejala ini.

Kesimpulan

Rencana ringkas ini meninjau kedudukan Negeri Sembilan dalam konteks hubungannya dengan Minangkabau. Ia adalah sebuah daerah rantau Minangkabau yang berada di luar Pulau Sumatra. Tulisan ini juga menyentuh serba sedikit tentang Alam Minangkabau, ciri-ciri budaya masyarakatnya serta pergolakan sosio-politik antara kedua daerah ini sehingga membawa kepada bebasnya sebuah daerah rantau dari ikatan induknya.

Negeri Sembilan telah melepaskan diri dari ikatan daerah induknya atas sebab-sebab pergolakan sosio-politik di kedua-dua tempat berkenaan. Sungguhpun begitu ia masih dapat di anggap sebagai sebuah 'sub-budaya' Minang dengan pengalaman sistem adat perpatihnya. Beberapa keadaan telah berlaku sehingga unsur-unsur keaslian adat ini tidak banyak lagi diketahui oleh generasi muda sekarang. Ini terserahlah kepada para pemimpin dan pendukungnya untuk memelihara dan mempertahankannya. Kalau di Minangkabau, tempat asal adat ini diwujudkan sebuah badan bersama LKAAM atau Lembaga Kekerabatan Adat Alam Minangkabau bagi memelihara, menyelidik dan mempertahankan kemurnian adat mereka. Maka apakah badan yang seumpama ini tidak mungkin dapat diwujudkan di Negeri Sembilan? Tentu kita tidak akan rela adat yang tak lapuk dek hujan dan tak lekang dek panas ini pada suatu ketika nanti hanya tinggal nama sahaja..... dan terserahlah kepada pihak yang berkenaan.

Bibliografi

1. Abdul Samad Idris (Dato'), Negeri Sembilan dan Sejarahnya, Utusan Melayu Press, Kuala Lumpur, 1968
2. M.D. Mansoer (Drs.) dan lain-lain, Sedjarah Minangkabau, Bhratara, Jakarta, 1970.
3. Mochtar Naim, (Dr.), Merantau-Pola Migrasi Suku Minangkabau, Bhratara, Jakarta, 1980.
4. Norhalim Hj. Ibrahim, Social Change and Continuity in the Matrilineal Society of Rembau, Negeri Sembilan (Malaysia), tesis M.A. (tidak diterbitkan) University of Hull, England, 1976.
5. R.J. Wilkinson, Notes of Negeri Sembilan, dalam Papers on Malay Subjects, OUP, Kuala Lumpur, 1971, halaman 279-321
6. St, Mammoed B.A. dan A. Manan Raja Penghulu, Tambo Minangkabau, Bhratara, Jakarta, 1978.
7. T.J. Newbold, Account of Rumbowe, dalam J.H. Moor (ed.), Notice of the Indian Archipelago, Singapore, cetak semula, Frank Case, London, 1968, halaman 61-62.
8. Yunizar Cobra (Drs.), Peranan Matrilineal di Minangkabau, siri penerbitan LKAAM, Padang, Indonesia, 1980.